

MAHATHIR - RACUN

1983

KUALA LUMPUR, 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU SEDANG MENUNGGU LAPORAN MENGENAI BIRO TATA NEGARA, SEBUAH JABATAN DI JABATAN PERDANA MENTERI, YANG DITUDUH MENJALANKAN KEMPEN MERACUNI FIKIRAN RAKYAT.

+SAYA INGIN TAHU ADAKAH INI BERLAKU DAN JIKA BENAR MENGAPA IA DILAKUKAN. SETELAH ITU BARU SAYA BOLEH BERTINDAK,+ TAMBAH PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI.

BELIAU PERCAYA LAPORAN MENGENAI KEGIATAN BIRO ITU AKAN DIHANTAR KEPADA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI.

PERKARA ITU DITIMBULKAN OLEH DUA ORANG WAKIL SEMASA PERDAHASAN SEMALAM DAN MENURUT MEREKA FITNAH JUGA DITABURKAN OLEH BIRO ITU DALAM CERAMAHNYA DI LUAR NEGERI.

MENGENAI DAKWAAN BEBERAPA ORANG WAKIL TENTANG ADANYA PEGAWAI KERAJAAN YANG TIDAK DAPAT MENJALANKAN TUGAS DENGAN BERKESAN KERANA TEKANAN POLITIK, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU HARUS DILIHAT SECARA KESELURUHANNYA.

+SAYA MELIHATNYA SECARA KESELURUHAN. TIADA SIAPA YANG SALAH DAN TIADA SIAPA YANG BETUL. PADA PEGAWAI KERAJAAN, ORANG POLITIK YANG PATUT DISALAHKAN TETAPI PADA ORANG POLITIK PULA, PEGAWAI KERAJAAN YANG SALAH.+ -- BERNAMA 1305/MB